

SIARAN AKHBAR

KUMPULAN **TH SUMBANG BANTUAN KEWANGAN, MAKANAN DAN KHIDMAT SUKARELA KEPADA MANGSA BANJIR**

KUALA LUMPUR, 24 Disember 2021 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) dan anak-anak syarikatnya telah menyumbang bantuan kewangan, makanan dan khidmat pembersihan secara sukarela kepada rakyat Malaysia yang terjejas akibat bencana banjir.

“Pada masa ini, aspek kebajikan kakitangan dan keluarga pastinya menjadi keutamaan kami. Lebih 280 kakitangan di seluruh Kumpulan **TH** sedang menerima bantuan segera. Pada masa yang sama, kami juga sedang melakukan sebaik mungkin untuk membantu rakyat Malaysia secara langsung atau menerusi rakan strategik dan NGO,” kata Dato’ Sri Amrin Awaluddin, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan **TH**.

TH memperuntukkan sejumlah RM 1.6 juta untuk bantuan banjir di seluruh negara dan akan diagihkan secara langsung atau melalui rakan strategik dan NGO. Sejajar dengan itu juga, **TH** telah melancarkan kempen derma dalaman dan menggerakkan para sukarelawan untuk membantu kakitangan yang terjejas di Selangor, Pahang dan Melaka.

Selain itu, **TH** turut berganding bahu dengan bekerjasama bersama agensi seliaan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) seperti JAKIM bagi meringankan beban mangsa banjir melalui kumpulan sukarelawan Skuad Musa’adah dan dengan menyumbang pelbagai bentuk bantuan seperti keperluan asas, bekalan makanan, dan penginapan sementara.

Kumpulan **TH** yang terdiri daripada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Movenpick Hotel and Convention Centre KLIA, Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (Takaful Malaysia), TH Properties Sdn. Bhd., TH Hotel & Residence (THHR), TH Travel & Services (THTS), Theta EDGE Berhad (Theta) dan TH Plantations Berhad turut menyalurkan bantuan yang diperlukan oleh para kakitangan, pelanggan dan orang ramai yang terjejas.

TH Properties mengambil inisiatif dengan menyediakan bantuan kewangan untuk setiap kakitangan mereka yang terjejas manakala THHR menyediakan 12 bilik hotel (berserta makanan) di Kelana Jaya bagi menempatkan kakitangan yang terjejas dan ahli keluarga mereka.

THTS pula menawarkan bantuan kewangan dan khidmat pembersihan di rumah kakitangannya yang terjejas. Manakala Theta menyumbang bantuan kewangan untuk setiap kakitangannya yang terjejas sebagai bantuan pasca banjir dan turut menggerakkan kakitangannya sebagai sukarelawan.

BIMB telah melancarkan Bantuan Prihatin Banjir yang bertujuan membantu individu dan rakan perniagaan sedia ada dengan kemudahan pembayaran balik pembiayaan sekiranya mereka terkesan akibat banjir. BIMB turut memperuntukkan RM420,000 sebagai sebahagian usaha bantuan banjir mereka dan telah mengagihkan bantuan segera ke PPS SK Bukit Changgang, Hulu Langat selain dibantu para sukarelawannya. Seterusnya, BIMB akan meneruskan misi bantuan banjir ke kawasan terjejas di negeri Pahang.

Selain itu, Hotel Movenpick dan Pusat Konvensyen KLIA telah membantu seramai 200 orang mangsa banjir dengan penyediaan makan tengah hari dan malam selama dua hari.

Manakala, Takaful Malaysia menawarkan perkhidmatan tunda percuma kepada para pelanggan yang terjejas akibat banjir, dan sebagai sebahagian daripada inisiatifnya untuk mempercepatkan proses tuntutan pelanggan yang terjejas banjir dengan perlindungan Bahaya Khas, Takaful Malaysia telah mengetepikan sementara tuntutan laporan polis sebagai keperluan proses. Ini adalah berkuat kuasa serta merta sehingga diberitahu kelak.

-Tamat-

LEMBAGA TABUNG HAJI

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini merancang simpanan bagi menunaikan ibadat haji.

Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara dan mempunyai lebih 58 tahun pengalaman, **TH** sentiasa berusaha menyediakan perkhidmatan yang komprehensif dan sistematik demi menjaga kebajikan jemaah haji Malaysia (tidak termasuk urusan umrah). Selain diberi tanggungjawab dan amanah untuk menguruskan simpanan pendeposit serta urusan haji yang efisien, **TH** turut menjalankan aktiviti pelaburan dalam dan luar negara yang berlandaskan syariah bagi memberi nilai tambah kepada simpanan para pendeposit.

Pencapaian **TH** yang konsisten ini telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif dan mempunyai hampir sembilan juta pendeposit serta 123 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** turut mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila hubungi:

Alisha Nur Mohd Noor Eksekutif Perhubungan Media Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel Bimbit: 019 6751762 Faks: 03 2164 0436 Emel: alisha.nur@lth.gov.my	Affan Aimaduddin Azami Penolong Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 984 7138 Faks: 03 2164 0436 Emel: affan.aimaduddin@lth.gov.my
---	---